

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN SIM TONG HIM [KOTA MELAKA]

TARIKH : 17 NOVEMBER 2016

SOALAN :

YB Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta PERDANA MENTERI menyatakan tentang kedudukan projek naik taraf dan baik pulih bangunan Parlimen Malaysia :-

- (a) jangka masa projek ini dapat siap keseluruhannya ; dan**
- (b) anggaran kos terlibat berbanding dengan perancangan pada mulanya serta nyatakan semua keistimewaan tambahan projek ini.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ketiga-tiga Projek Parlimen (FASA 2B, Fasa 3A dan Fasa 3B) yang sedang dalam fasa pembinaan akan siap sepenuhnya pada Disember 2018. Walaubagaimanapun masih terdapat satu lagi fasa yang belum dimulakan iaitu Fasa 2C; Kerja Menaik Taraf dan Baikpulih Blok Menara dan kerja-kerja berkaitan. Pelaksanaan fasa ini adalah tertakluk kepada kelulusan peruntukan.

Anggaran kos terkini projek untuk kesemua fasa yang telah dan sedang diadakan adalah mengikut peruntukan yang telah diluluskan.

Projek naik taraf dan baik pulih bangunan Parlimen Malaysia ini akan dapat menyediakan persekitaran persidangan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara yang lebih kondusif dengan mengambilkira penyediaan fasiliti untuk 50 tahun akan datang di samping kelengkapan sistem dan infrastruktur ICT yang baru.

Manakala di Fasa 3B akan dibina Blok Ahli Parlimen baru yang akan menempatkan bilik pejabat untuk setiap Ahli Parlimen, bilik-bilik Kementerian, pejabat pentadbiran Parlimen, dan juga kemudahan lain seperti Bilik Mesyuarat, *Business Centre*, gimnasium dan perpustakaan, tambahan tempat letak kereta serta Dewan Serbaguna yang baru.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
LISAN : 17.11.2016
DARIPADA : TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH
SOALAN : NO. 37

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan bagaimana Kementerian membela nasib mahasiswa di Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) terutama mereka yang terdiri daripada keluarga yang berpendapatan rendah memandangkan yuran pengajian yang tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah menyediakan pelbagai bentuk bantuan kewangan bagi membantu meringankan beban mahasiswa termasuklah di Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS). Antaranya dengan pemberian Baucar Buku 1Malaysia, Kad Siswa dan pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN). Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) turut menawarkan penajaan biasiswa/bantuan kewangan kepada mahasiswa yang memenuhi kelayakan dan kriteria ditetapkan.

Semua IPTS tempatan adalah tertakluk di bawah peruntukan Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555). KPT melaksanakan Audit Pematuhan bagi memantau IPTS dalam mengenakan yuran mengikut kadar yang diluluskan sahaja. Beberapa faktor diambil kira dalam memberikan kelulusan yuran iaitu berdasarkan bidang dan jenis program yang dikendalikan, fasiliti yang disediakan, lokasi IPTS serta kadar semasa yang ditentukan oleh pasaran. Adalah menjadi satu kesalahan dibawah Akta 555 bagi mana-mana IPTS mengenakan yuran lebih tinggi daripada kadar yang diluluskan dan boleh dikenakan denda RM50 ribu atau 6 bulan penjara atau kedua-duanya sekali.

Buku Informasi IPTS turut diterbitkan untuk memberi panduan kepada pemohon-pemohon dalam membuat pemilihan sebelum melanjutkan pengajian di IPTS. Mereka boleh membuat semakan awal bagi program pengajian dan yuran yang dikenakan mengikut IPTS.

Terdapat juga beberapa IPTS yang menawarkan bantuan kepada mahasiswa mereka seperti program Yayasan Universiti, *Student Welfare Council* dan Tabung Amanah Zakat. Misalnya Sunway University menyediakan bantuan biasiswa atau potongan yuran pengajian kepada mahasiswa yang memenuhi kriteria ditetapkan.

Disamping itu, Wang Pendahuluan Pinjaman (WPP), PTPTN turut ditawarkan kepada pelajar yang layak daripada keluarga berpendapatan rendah yang menerima Bantuan Rakyat 1Malaysia bagi meringankan beban dalam membantu persediaan memasuki Institusi Pendidikan Tinggi.